

11/08/1998

Goh sekadar tuturkan tiga ayat

JOHOR BAHRU, Isnin - Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong memecah kebiasuannya mengenai hubungan dengan Malaysia, tetapi sekadar menyatakan republik itu sudah membentangkan semua fakta berhubung isu pemindahan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) ke Woodlands.

Goh ketika ditemui wartawan Singapura pada majlis jamuan makan malam hari kebangsaan republik itu di Kompleks Tanjong Katong Sabtu lalu, berkata perjalanan kereta api yang lancar mencerminkan kedudukan sebenar yang dapat dilihat oleh semua.

Beliau hanya bercakap dalam tiga ayat seperti dilaporkan oleh akhbar Sunday Times semalam iaitu: "Singapore has laid out all the facts. The trains are running smoothly. That speaks for itself." (Singapura sudah membentangkan semua fakta. Kereta api berjalan dengan lancar. Itu sudah menjelaskannya sendiri.)

Kata-kata ringkas itu disuarakan buat kali pertama oleh Goh sejak isu KIK didebatkan mulai bulan lalu berikutan langkah Singapura memindahkan kemudahan berkenaan dari Tanjong Pagar ke Woodlands berkuatkuasa 1 Ogos lalu.

Sikap berdiam diri Goh selama ini juga disedari banyak pihak termasuk Pergerakan Pemuda Umno yang mendesak Kerajaan Malaysia menggantung sebarang hubungan dua hala baru dengan republik itu, selagi Perdana Menteri tidak menyatakan pendirian rasmi Singapura.

Pendirian rasmi itu pula hendaklah sejajar dengan semangat persefahaman dan persetujuan di antara Goh serta rakan sejawatannya di Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan enam perkara termasuk soal tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura.

Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong ketika mengulas kenyataan Goh itu dilaporkan sebagai berkata, Goh sudah menetapkan nada sewajarnya berhubung isu pemindahan KIK itu.

Sehubungan itu, katanya, rakyat Singapura harus bertenang dan tabah dalam menghadapi bidasan daripada Malaysia terhadap langkah pemerintah republik itu memindahkan KIKnya.

"Saya rasa, secara tenang, secara teguh, tanpa rasa tergugat, tanpa rasa gugup. Usah terlalu agresif, tetapi secara diam-diam kita harus teguh pada pendirian kita," katanya kepada wartawan selepas satu majlis hari kebangsaan Singapura di Teck Ghee.

Beliau menambah kata: "Kita bukan di pihak yang salah, kita bukan mahu merumitkan keadaan. Ini adalah perkara yang berlaku dalam hubungan kita bersama jiran dari semasa ke semasa. Ia tidak boleh dielakkan."

Lee berkata, surat mengenai isu pemindahan KIK itu yang disiarkan dalam akhbar Singapura menunjukkan tiada sesiapa yang takut kerana mereka tahu perkara sebenar.

(END)